

Teruskan norma baharu sementara vaksin tiba

Pada 10 November lalu, kita menerima berita gembira vaksin pertama COVID-19 berjaya mencegah wabak itu daripada 90 peratus sukarelawan terbabit fasa tiga ujian klinikal.

Sembilan hari kemudian, keputusan akhir fasa 3 ujian klinikal vaksin dikeluarkan syarikat BioNTech and Pfizer ini disahkan sebenarnya berkesan mencegah 95 peratus COVID-19.

Ini berita gembira buat seluruh penduduk dunia sejak pandemik berasal dari Wuhan, China mula dikesan, Disember tahun lalu.

Kini kita sedang menunggu lampu hijau pihak Kementerian Kesihatan (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebelum vaksin ini boleh diberikan kepada orang ramai dengan selamat.

Vaksin ini antara didaftarkan menerusi The Vaccine Alliance (GAVI).

Malaysia melalui Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan KKM mencapai persetujuan untuk membayar wang pendahuluan berjumlah RM94.08 juta untuk mendapatkan vaksin daripada GAVI.

Langkah kerajaan melalui MOSTI wajar diberi pujian. Ini membolehkan 10 peratus rakyat Malaysia menerima vaksin itu.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata keutamaan akan diberikan kepada barisan hadapan dan golongan mempunyai penyakit kronik untuk menerima vaksin bakal diperoleh melalui GAVI.

Persoalannya adakah cukup jika 10 peratus sahaja rakyat diberikan vaksin untuk mencegah penularan COVID-19?

Tujuan utama vaksinasi adalah untuk mencapai imuniti kelompok. Bagi mencapai imuniti kelompok, 70 peratus masyarakat mesti terdedah kepada sesuatu penyakit berjangkit untuk mengawal penularan COVID-19.

Bagaimana pula nasib rakyat Malaysia yang lain? Keprihatinan kerajaan dan MOSTI dalam perkara ini amat dihargai.

Bagi mendapatkan baki vaksin bagi

60 peratus rakyat Malaysia, Khairy mewakili Kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian persefahaman dengan China untuk mendapatkan vaksin COVID-19 pada masa akan datang.

Perjanjian ini membolehkan negara diberikan keutamaan untuk mendapatkan vaksin dibangunkan di China.

Persoalannya, apa kita harus lakukan sebelum imuniti kelompok boleh dicapai? Norma baharu mesti terus dipraktikkan sehingga penularan wabak COVID-19 terkawal melalui program vaksinasi COVID-19.

Memakai pelitup muka di tempat awam, kerap membasuh tangan, mengelak kawasan sempit dan menjauhi tempat tumpuan orang ramai mesti menjadi amalan biasa rakyat Malaysia.

Ketua Pengarah Institut Kesihatan Aleri dan Penyakit Berjangkit Negara Amerika Syarikat (AS), Dr Anthony Fauci, melalui satu temu bual mengingatkan praktis memakai pelitup muka di tempat awam mesti diteruskan untuk suatu jangka panjang.

Beliau menganggarkan praktis ini mesti diteruskan sekurang-kurangnya hingga penghujung 2021, bergantung penularan COVID-19.

Nasihat ini harus kita teliti dan insafi. Seperti kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, mengamalkan norma baharu, termasuk menggunakan pelitup muka di tempat awam adalah 'vaksin' paling berkesan buat masa ini.

Tidak salah untuk kita optimis pandemik COVID-19 akan berjaya dikawal suatu masa nanti. Bak kata pepatah, ada cahaya di hujung terowong. Ia memberi gambaran kita sudah nampak jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah, namun mesti berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu.

Kita masih belum lagi menang. Marilah bersama-sama kita terus mengemul segala usaha dan tenaga untuk terus mengamalkan norma baharu dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Kita rindu untuk kembali kepada kehidupan asal. Namun, cepat atau lambat untuk kita kembali seperti dahulu bergantung kepada usaha semua pihak, terutama diri sendiri.

Penulis adalah Pensyarah Kanan di Universiti, Malaysia Pahang (UMP)



Dr Ahmad Mahfuz Gazali



Dr Muhammad Ashraf Fauzi